

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN KEDUA 2025

Hasil Sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus dengan nilai mencecah RM641.4 bilion pada suku tahun kedua 2025

PUTRAJAYA, 8 OGOS 2025 – Sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2025 iaitu hasil mencecah sebanyak RM641.4 bilion. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Tahun Kedua 2025**. Laporan ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Penginapan; Makanan & Minuman; Profesional; Hartanah; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Kesenian, Hiburan & Rekreasi; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin melaporkan, "Peningkatan kukuh 5.7 peratus pada suku tahun kedua disokong oleh prestasi positif semua segmen dalam sektor ini. Pertumbuhan tersebut mencerminkan kestabilan permintaan domestik serta peranan signifikan sektor ini sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan."

Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan mencatatkan peningkatan hasil tahun ke tahun sebanyak RM22.5 bilion atau 4.9 peratus, untuk mencapai RM484.0 bilion pada suku tahun kedua 2025. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh peningkatan perjalanan domestik dalam negara yang merangsang perbelanjaan pengguna yang tinggi. Di samping itu, cuti umum dan cuti perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Wesak, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Buruh, Hari Raya Aidiladha dan cuti sekolah telah mendorong lebih ramai isi rumah untuk berbelanja. Pada

masa yang sama, peningkatan ketibaan pelawat antarabangsa turut menyumbang kepada pertumbuhan segmen ini.

Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan turut mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 6.0 peratus tahun ke tahun, mencecah RM89.4 bilion pada suku tahun kedua. Dalam segmen ini, subsektor Pengangkutan & Penyimpanan terus mengekalkan prestasi yang kukuh dengan peningkatan 9.0 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2025. Aktiviti pengangkutan darat dan udara masing-masing meningkat sebanyak 8.6 peratus dan 9.0 peratus, dipacu oleh lonjakan 10.3 peratus dalam pergerakan penumpang udara. Selain itu, perkhidmatan penggudangan dan perkhidmatan sokongan berkembang sebanyak 9.7 peratus, manakala perkhidmatan pos dan kurier mencatatkan peningkatan sebanyak 8.4 peratus. Prestasi ini menunjukkan permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan pengangkutan dan logistik selaras dengan peluasan aktiviti ekonomi domestik dan e-dagang.

Subsektor Maklumat dan Komunikasi berkembang sebanyak 3.3 peratus, didorong terutamanya oleh peningkatan permintaan dalam Telekomunikasi (+3.5%) dan Perkhidmatan komputer (+1.0%). Perkembangan ini mencerminkan kemajuan berterusan perkhidmatan digital, sejajar dengan perubahan keutamaan pengguna dan peralihan meluas ke arah penyelesaian berasaskan teknologi dalam gaya hidup, pekerjaan dan aktiviti ekonomi.

Segmen Perkhidmatan Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan turut mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang kukuh 9.9 peratus pada suku tahun kedua 2025. Subsektor Perkhidmatan Profesional menunjukkan permintaan yang stabil, khususnya dalam bidang kejuruteraan, reka bentuk seni bina dan juruukur, selari dengan pelaksanaan aktiviti pembangunan dan infrastruktur yang berterusan. Subsektor Hartanah pula mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.8 peratus, didorong terutamanya oleh projek perumahan yang pesat. Sementara itu, subsektor Pentadbiran dan Khidmat Sokongan turut meningkat, dipacu oleh pertumbuhan sebanyak 13.6 peratus dalam aktiviti agensi pelancongan, selari dengan ketibaan pelancong antarabangsa yang lebih tinggi dan peningkatan perjalanan keluar negara oleh rakyat Malaysia, terutamanya semasa musim Haji. Perkhidmatan pentadbiran pejabat, sokongan serta aktiviti berkaitan perniagaan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 19.0 peratus, disokong oleh perluasan aktiviti perniagaan dan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pengurusan acara luar seperti aktiviti pengurusan acara dan *meetings, incentives, conventions, and exhibitions (MICE)*.

Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 12.8 peratus pada suku tahun kedua mencerminkan kesedaran pengguna yang semakin tinggi terhadap kesihatan, pendidikan dan kualiti hidup. Subsektor Kesihatan Swasta merekodkan peningkatan ketara sebanyak 15.8 peratus, disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan hospital (+15.6%), perkhidmatan klinik (+16.7%) serta perkhidmatan penjagaan pencegahan dan kesejahteraan (+14.4%). Subsektor Pendidikan Swasta berkembang sebanyak 9.5 peratus, didorong oleh peningkatan aktiviti dalam pendidikan tinggi swasta (+10.3%) dan perkhidmatan pendidikan lain (+6.7%). Sementara itu, subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi meningkat sebanyak 13.1 peratus, manakala Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.3 peratus, menunjukkan semakin ramai individu berbelanja untuk aktiviti riadah dan penjagaan diri sebagai sebahagian daripada kehidupan harian.

Bagi perbandingan suku tahunan, hasil sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 1.8 peratus berbanding suku pertama tahun 2025. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang merekodkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan yang turut meningkat sebanyak 1.7 peratus. Segmen Perkhidmatan Profesional, Hartanah serta Perkhidmatan Pentadbiran & Khidmat Sokongan mencatatkan pertumbuhan 1.9 peratus, manakala segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi serta Perkhidmatan Persendirian Lain meningkat sebanyak 3.6 peratus.

Selaras dengan prestasi ini, hasil e-Dagang bagi suku tahun kedua 2025 meningkat kepada RM313.8 bilion, dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.1 peratus. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan (0.7%) dan sektor Pembuatan (1.0%). Secara suku tahunan, e-Dagang mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 0.9 peratus.

Mengulas mengenai pasaran buruh, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa jumlah keseluruhan guna tenaga dalam Sektor Perkhidmatan adalah seramai 4.6 juta orang, setelah meningkat 2.1 peratus tahun ke tahun pada suku ini. Pertumbuhan ini dipacu oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan dengan kenaikan sebanyak 3.8 peratus, diikuti oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang meningkat sebanyak 2.6 peratus. Bagi suku tahunan, bilangan guna tenaga meningkat sebanyak 0.6 peratus, dengan pertambahan seramai 28.8 ribu orang.

Seiring dengan peningkatan guna tenaga, jumlah gaji dan upah yang dibayar dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 4.2 peratus tahun ke tahun kepada RM34.0 bilion. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit serta Pengangkutan & Penyimpanan, yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 3.7 peratus dan 4.9 peratus. Perbandingan dengan suku tahun sebelumnya menunjukkan gaji dan upah meningkat sebanyak 1.1 peratus, menggambarkan pertumbuhan pendapatan yang stabil selari dengan peningkatan aktiviti ekonomi dalam sektor ini.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan



Carta 6: Pendapatan e-Dagang



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, August 8th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME, SECOND QUARTER 2025

***The Services sector revenue increased by 5.7 per cent to record
RM641.4 billion in the second quarter of 2025***

PUTRAJAYA, AUGUST 8, 2025 – The Services sector increased by 5.7 per cent year-on-year in the second quarter of 2025, reaching RM641.4 billion in revenue. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **The Quarterly Services Statistics, Second Quarter 2025**. The report presents statistics on Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Accommodation; Food & Beverage; Professional; Private Health; Private Education; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, reported that "The strong 5.7 per cent increase in the second quarter was supported by the positive performance of all segments within the sector. This growth reflects the stability of domestic demand and the sector's vital role in supporting overall economic expansion."

The Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment recorded a year-on-year revenue growth of RM22.5 billion or 4.9 per cent, reaching RM484.0 billion in the second quarter of 2025. This improvement was mainly supported by the increase in domestic travel across the country, which encouraged higher consumer spending. In addition, public holidays and festive breaks such as Hari Raya Aidilfitri, Wesak Day, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Labour Day, Hari Raya Aidiladha, and the school holidays encouraged more household spending. At the same time, the increase in international visitor arrivals further supported the growth of this segment.

The Information & Communication and Transportation & Storage segment also recorded commendable growth of 6.0 per cent year-on-year, reaching RM89.4 billion in the second quarter. Within this, the Transportation & Storage subsector sustained its growth with a 9.0 per cent year-on-year increase in the second quarter of 2025. Land and air transport activities rose by 8.6 per cent and 9.0 per cent, respectively, driven by a notable 10.3 per cent increase in air passenger traffic. In addition, storage and supporting services expanded by 9.7 per cent, while post and courier services registered growth of 8.4 per cent. This performance underscores the growing demand for transport and logistics services, in tandem with the expansion of domestic economic activities and e-commerce

The Information & Communication subsector expanded by 3.3 per cent, driven primarily by increasing demand in Telecommunications (+3.5%) and Computer services (+1.0%). This development highlights the steady expansion of digital services in line with changing consumer preferences and the broader shift towards technology-driven solutions in work, lifestyle, and economic activities.

The Professional, Real Estate and Administrative & Support Services segment also recorded a strong year-on-year growth of 9.9 per cent in the second quarter of 2025. The Professional Services subsector continued to see steady demand, particularly in engineering, architectural design, and surveying, in line with ongoing infrastructure and development activities. The Real Estate subsector posted double-digit growth of 11.8 per cent, largely supported by active housing development. Meanwhile, the Administrative & Support Services subsector was lifted by a 13.6 per cent increase in travel agency activities, driven by higher international tourist arrivals and more outbound travel by Malaysians, especially during the Haj season. Office administrative, support, and other business-related services rose by 19.0 per cent, reflecting the expansion of business operations and the growing need for outsourced administrative functions such as event management and meetings, incentives, conventions, and exhibitions (MICE) activities.

The Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Personal Services & Other Activities segment grew by 12.8 per cent year-on-year in the second quarter, reflecting rising consumer emphasis on health, education, and quality of life. The Private Health subsector recorded a notable 15.8 per cent increase, supported by higher demand for hospital services (+15.6%), clinic services (+16.7%), and preventive care and wellness services (+14.4%). The Private Education subsector expanded by 9.5 per cent, driven by increased activity in private higher education (+10.3%) and other education services (+6.7%). Meanwhile, the Arts, Entertainment & Recreation subsector rose by 13.1 per cent, and Personal Services & Other Activities grew by 10.3 per cent, showing that more people are spending on leisure and personal care as part of their everyday lives.

On a quarter-on-quarter basis, revenue in the Services sector rose by 1.8 per cent compared to the first quarter of 2025. This growth was primarily driven by the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which grew by 1.7 per cent. This was followed by the Information & Communication and Transportation &

Storage segment, which increased 1.7 per cent. The Professional, Real Estate, and Administrative & Support Services segment registered a rise of 1.9 per cent, while the Private Healthcare, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Other Personal Services segment grew 3.6 per cent.

In line with this performance, e-commerce revenue for the second quarter of 2025 stood at RM313.8 billion, reflecting a year-on-year increase of 1.1 per cent. This increase was mainly driven by the Services sector (0.7%) and Manufacturing sector (1.0%). On quarterly basis, e-commerce recorded a modest growth of 0.9 per cent.

Commenting on the labour market, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated that the total number of persons engaged stood at 4.6 million, reflecting a 2.1 per cent year-on-year increase in this quarter. This growth was led by the Transport & Storage subsector with a 3.8 per cent rise, followed by the Wholesale & Retail Trade subsector which grew by 2.6 per cent. On a quarter-on-quarter basis, the number of persons engaged rose by 0.6 per cent, translating to an addition of 28.8 thousand persons.

In tandem with higher employment, total salaries and wages paid in the Services sector increased by 4.2 per cent year-on-year to RM34.0 billion. This growth was primarily contributed by the Wholesale & Retail Trade and Transportation & Storage subsectors, which rose by 3.7 per cent and 4.9 per cent, respectively. Compared to the previous quarter, salaries and wages grew by 1.1 per cent, indicating stable income growth alongside rising economic activity within the sector.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Performance of Services Sector




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment





Chart 6: e-Commerce Income



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 AUGUST 2025**